

Dari Ikhwan Kepada Ikhwan

Tugas Seseorang Muslim Yang Sebenar

(Oleh: Ibhi –Perak Qaherah)

Punca kemunduran umat Islam dalam zaman ini adalah kerana membelakangkan kitab suci al-Qur’ān dan sunnah Rasul. Junjungan kita telah menegaskan dalam sepotong hadis yang bermaksud: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak sesat selama kamu berpandu dengan keduanya iaitu kitab Allah (al-Qur’ān) dan sunnah aku.”

Sudahkah kebanyakan kita patuh kepada Qur’an dan hadis? Manakah dia ketinggian dan kecemerlangan agama Islam itu? Mengapakah seribu satu khurafat masih mengambil tempat yang berleluasa? Mengapakah kebanyakan kita berani melakukan sesuatu yang sudah terang diharamkan Allah dalam kitab-Nya, seperti loteri, arak, pelacur, tarian bogel, korupsi! Mengapakah wanita-wanita Islam sudah tidak mengendahkan auratnya lagi? Mengapakah ada yang bersenang hati melihat gadis dan remaja bergaul bebas yang melanggar batas dan berani menentang ajaran Islam? Mengapakah kita masih mau bertolak ansur dengan orang-orang Musyrikin yang sudah terang menjadi musuh Islam yang sering berusaha menentang segala sesuatu yang dibuat oleh orang-orang Islam?

Di manakah jihad Mukmin untuk meninggikan kalimah Allah? Di manakah *anṣār Allāh*? Di mana alim ulama yang mewarisi Nabi-nabi? Mengapakah umat Islam di abad ini memilih selemah-lemah iman (menegur dalam hati)? Andai kata segala seribu satu soalan-soalan lagi tidak akan terjawab ketika berhadapan dengan Tuhan di Padang Mahsyar kelak.

Alangkah palsu nya hidup seorang Muslim di bumi ini sebagai seorang Muslim yang hanya mengaku beragama Islam sedang dia adalah memusuhi ajaran Islam, mengingkari ajaran dan hukum Tuhan, menentang ideologi Islam dan memusuhi siasah Islam? Memandang rendah dan hina terhadap orang yang cuba mengamalkan undang-undang Islam dan dituduh pula sentimen agama.

Dalam zaman moden ini segala-galanya telah dimodenkan oleh manusia, manusia adalah bebas berfikir, berfalsafah, bebas membentuk isme siasahnya. Segala-galanya lepas bebas tidak ada satu gangguan pun. Adakah penganut Islam ini akan sebeb as itu? Adakah Islam yang berasaskan Qur’an dan hadis itu satu ajaran atau undang-undang yang bebas lepas, atau dia berupa undang-undang yang tak berjiwa dan beku? Seorang Muslim yang beriman

sudah tentu akan menjawab, tidak!

Berpegang kepada Qur'an dan hadis bererti patuh kepada perintah Tuhan, patuh kepada agama Islam, iaitu yang melengkap dari soal yang kecil-kecil hingga sebesar-besarnya, dari segi dunia dan akhirat. Meliputi bermasyarakat, sosial, siasah, bernegara, berekonomi, soal-soal jenayah dan lain-lainnya, semuanya sudah teratur lengkap di dalam kitab suci al-Qur'an dan hadis (dan kitab-kitab ulama yang menghuraikannya – P) hanya dipersilakan menatap, mengkaji dengan sedalam-dalamnya.


Negara Barat telah merdeka! Merdeka bersuara merdeka mengeluarkan pendapat dan seterusnya. Oleh itu perkara menyiarkan agama Islam di tanah air sudah sewajibnya diperluaskan lagi. Agama Islam telah dirasmikan ini menurut apa yang tertulis di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi itu tidak memadai dengan pejabat agama yang ada hari ini dalam tiap-tiap buah negeri di Persekutuan Tanah Melayu. Itu hanya merupakan tapak, sedang perjuangan Islam yang sebenar masih belum dilancarkan sebagaimana yang semestinya. Tugas besarnya sebagai *anṣār Allāh* di bumi ini masih samar!

Kebanyakan alim ulama kita masih belum bersikap tegas. Segala ajaran Islam tidak seharusnya lagi disembunyikan! Takut untuk memperkatakan yang hak, berpendirianlah sebagai *anṣār Allāh* yang sanggup menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran! Faham-faham Islam hendaklah ditanam ke dalam jiwa sanubari bangsa kita hari ini khasnya; lebih-lebih lagi kepada putera dan puteri Muslim yang tergila-gila kebaratan yang kosong dari ajaran

Islam, kosong dari pendidikan suci, pendidikan

Islam.

Tiupkanlah kembali seruan Tuhan dan seruan Muhammad kepada mereka. Berilah kepada putera dan puteri Islam hari ini pengajian Islam, sejarah perjuang-pejuang Islam yang ulung: Abū Bakr, 'Umar, Uthmān, 'Alī, Fāṭimah, 'Āishah, lebih banyak daripada memberi pengajian tentang sejarah-sejarah Barat.



Johan membaca Qur'an bahagian lelaki daerah Sepang Selangor, saudara Mokhtar (duduk dengan piala yang dimenangnya). Berdiri (kanan): saudara-saudara Shuiib dan Abu Yamin. Peraduan itu telah berlangsung semasa sambutan Mawlid Nabi pada bulan yang lalu.